

SIFAT MALU DALAM KERANGKA AKHLAK MELAYU (Shyness and Modesty in the Malay Ethical Framework)

¹ZARINA MUHAMMAD
¹AKMALIZA ABDULLAH
²RATNA ROSHIDA AB RAZAK

¹Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia, 43400, Serdang, Selangor, Malaysia

²Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial, Universiti Teknologi Malaysia, 81300 UTM Skudai, Johor, Malaysia

ABSTRAK

Sifat malu membawa dua makna iaitu sama ada baik (positif) atau pun buruk (negatif). Sisi negatif sifat malu sering dianggap sebagai antara faktor penyebab masyarakat khususnya Melayu bersikap pasif, pendiam, rendah diri, tidak asertif dan tiada keberanian diri. Manakala sifat malu yang baik (positif) adalah berkaitan dengan tingkah laku yang bersopan sehinggalah membawa kepada memelihara martabat kemanusiaan dan kehormatan bangsa. Justeru itu, tujuan makalah ini adalah untuk mengupas bagaimana sifat malu menzahirkan akhlak serta budi pekerti yang baik dan mulia dalam pandangan alam Melayu serta kedudukan malu sebagai kerangka akhlak masyarakat Melayu. Kaedah kajian yang digunakan adalah pendekatan analisis kandungan serta penelitian kepustakaan terhadap beberapa karya tokoh Melayu sama ada berbentuk prosa, puisi, kiasan, pantun, hikayat serta cerita Melayu. Hasil kajian mendapati penzahiran sifat malu dalam jiwa dan tindakan dalam pandangan alam Melayu berkait rapat dan bersepadu dengan konsep-konsep penting yang terpancar dalam kata kunci akal, ilmu, hati (qalb), agama, adab, bahasa dan jahat. Kajian juga mendapati sifat malu dalam masyarakat Melayu turut mempunyai kedudukan sebagai mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik, sebagai kesantunan dan lambang kehidupan bermoral serta sebagai maruah dan kehormatan diri dan bangsa.

Kata kunci: Malu; akhlak; akal; ilmu; melayu

ABSTRACTS

'Shyness' and 'modesty' (malu) bring two meanings of either positive or negative. The negative side of 'malu' is often regarded as one of the factors cause people, especially Malays, to be passive, quiet, inferior, non-assertive and lack of courage. While the positive side of 'malu' often related to polite behavior hence the preservation of human dignity and the honor of the nation. This article is aimed at examining how 'malu' manifest as an ethical and good moral character in accordance with the Malay worldview. This article also aims at examining further, the position of 'malu' in the Malay ethical framework. Content analysis approach and library research on the works of several Malay figures in prose, poetry, metaphor, pantun, were used hikayat and Malay stories. The findings reveal the manifestation of 'malu' in the Malay worldview are closely related and integrated with the key concepts that emerges in keywords namely intellect, knowledge, heart (qalb), religion, adab, language and evil. As one of the important elements of a Malay Ethical Framework, 'malu' play an important role to refrain a person from immoral behavior; as a symbol of morality in life as well as dignity for a nation.

Keywords: *Shy and modesty; moral; intellect; knowledge; malay*

PENGENALAN

Malu adalah sifat yang dijunjung tinggi dalam kalangan masyarakat Melayu kerana nilai positifnya dan manfaatnya yang besar bagi kehidupan di dunia mahupun di akhirat. Ianya telah sebatikan dalam diri dan kehidupan masyarakat Melayu. Lantaran itu, sifat yang menjelmakan rasa malu yang mendalam dalam diri ini telah diangkat sebagai satu daripada 26 asas kekuatan peribadi dan sifat keperibadian sosial orang Melayu. Penghayatan sifat ini dalam diri merupakan penyumbang kepada pembentukan nilai etika, moral dan akhlak seseorang (Hashim Musa 2008; Hashim Musa et al. 2012).

Sifat malu membawa dua makna iaitu sama ada baik (positif) atau pun buruk (negatif). Sisi negatif sifat malu sering dianggap sebagai antara faktor penyebab khususnya masyarakat Melayu yang bersikap pasif, pendiam, rendah diri, tidak asertif dan tiada keberanian diri sehingga potensi seseorang yang dikategorikan sebagai pemalu gagal digilap dan diperkembangkan secara optimum. Manakala sifat malu yang baik (positif) adalah berkaitan dengan tingkah laku yang bersopan sehinggalah membawa kepada memelihara martabat kemanusiaan dan kehormatan bangsa. Sifat malu inilah yang selalunya menghalang orang yang mempunyai akal daripada melakukan kejahatan dan mendorongnya untuk bersifat dengan sifat yang baik.

Dalam tunjuk ajar Melayu yang mengandungi nilai-nilai luhur Islam serta budaya dan norma sosial setempat yang sesuai dengan Islam, masyarakat Melayu disuruh untuk malu berbuat keburukan serta kejahatan dan dilarang serta pantang malu dalam hal yang baik (Tenas Effendy 2004). Hal ini jelas dalam ungkapan ‘apa tanda Melayu jati, malu berbuat yang tidak terpuji’ serta perumpamaan ‘malu bertanya sesat jalan, malu berkayuh perahu hanyut’. Apa yang tersirat disebalik tunjuk ajar ini adalah galakan agar masyarakat memiliki sifat mulia dan terpuji yang sebahagiannya diasaskan oleh sifat malu. Maka tidak salah jika dikatakan bahawa sifat malu yang dijunjung tinggi dalam masyarakat Melayu menggagaskan konsep yang lebih besar iaitu konsep kesedaran berakhlak dan bertingkah laku mulia.

Makalah ini menggunakan pendekatan penelitian kepustakaan bagi memahami maksud malu dan akhlak serta peranan dan kedudukan malu dalam kerangka akhlak masyarakat Melayu. Makalah ini turut menggunakan kaedah analisis kandungan terhadap karya beberapa tokoh cedekiawan Melayu. Karya yang terlibat sama ada berbentuk prosa, puisi, kiasan, pantun, hikayat serta cerita Melayu. Penggunaan kata kunci utama malu dan akhlak pengkaji cuba menemukan perkaitan dan jalinan antara kata kunci malu dengan beberapa kata kunci lain yang membentuk kerangka konsep akhlak Melayu.

Konsep Malu

Malu dalam kosa kata Melayu merujuk kepada berasa aib, hina, rendah diri kerana membuat sesuatu yg salah atau yg tidak sopan, perasaan aib, hina, rendah diri, menaruh hormat, berasa segan, agak takut (Kamus Dewan 2010). Dari sudut pandang Bahasa Arab terdapat beberapa perkataan yang merujuk kepada malu iaitu *ḥayāʾ*, *khajal* dan *dahasha*. *Kitāb al-Taʾrīfāt* al-Jurjani (1995) mentakrifkan *al-Ḥayāʾ* sebagai menahan diri dari sesuatu dan meninggalkannya dalam keadaan berjaga-jaga supaya tidak tercela. *Al-Ḥayāʾ* yakni malu ada dua jenis iaitu malu psikologi atau kejiwaan, ia merupakan apa yang telah diciptakan oleh Allah SWT dalam setiap jiwa, contohnya malu untuk membuka aurat, malu melakukan perkara mungkar di antara manusia. Selain itu, malu iman adalah malu yang menghalang seorang mukmin itu tidak melakukan perkara maksiat kerana takut kepada Allah SWT. *Khajal* pula adalah malu yang mengurangi malu *al-Ḥayāʾ* dan terjadi dari sudut yang negatif (Ibn Manẓūr 1955). Manakala *dahasha* kekeliruan, kebingungan tidak nampak haluan diri yang betul akibat daripada rasa malu aib atau takut (Edward William Lane 1893).

Takrifan tersebut menunjukkan malu bukan sahaja sebagai satu aspek kejiwaan yang menatijahkan sifat mulia bagi menjaga kehormatan diri dengan membendung jiwa kerana takut melakukan perbuatan keji. Namun ia juga mencakupi aspek yang lebih luas dan kompleks. *Bustān al-ʿArīfīn* menyebut bahawa malu merupakan

antara asas Islam dalam menunjuk ajar garis-garis besar dalam ilmu fekah dan segala jenis ilmu yang bermanfaat yang tidak ternilai harganya terutama bagi mereka yang berjalan menuju ke arah *ma`rifatullah* yang sebenar (An-Nawawi 2009). Ini adalah malu pada peringkat *ahwal* (keadaan) sebelum sampai kepada *maqamat* (tahap) yang dituntut dalam menempuh jalan sufi untuk meningkatkan darjat manusia dan menjadi semakin dekat dan bertakwa kepada Allah SWT (al-Qushayri 2004). Malu mempunyai kelebihan sebagai perisai dan penjaga bagi jiwa, pemikiran juga tingkahlaku manusia seperti mana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan daripada Abu Mas`ud al-Badri Uqbah bin Amru *Raḍiyallahu `anhu* ‘apabila engkau sudah tidak malu lagi, maka buatlah apa yang engkau sukai’ (Hadis riwayat al-Bukhari, al-Anbiya’ bab 54).

Malu dalam konteks tersebut ada beberapa jenis iaitu yang pertama, malu kerana melakukan pelanggaran kerana tidak ikut perintah seperti malunya Adam ketika berada di hadapan Allah SWT setelah melanggar perintah-Nya; kedua, malu kerana kekurangan yang dimiliki seperti malunya malaikat kerana masih merasa kekurangan dalam menyembah Allah SWT; ketiga, malu kerana menyaksikan kebesaran Allah seperti malunya Israfi a.s yang menutup tubuhnya dengan sayapnya kerana malu pada Allah SWT; keempat, malu kerana ketinggian budi seperti malunya Rasulullah SAW untuk menyuruh pergi tetamu baginda yang asyik memanjangkan percakapan; kelima, malu kerana segan seperti malunya Ali bin Abi Talib ketika meminta miqdad bin al-Aswad untuk bertanya kepada Rasulullah tentang darah haid Fatimah r.a dan keenam, malu mengungkap perkara yang dianggap terlalu remeh seperti malunya nabi Musa a.s ketika mahu meminta sesuatu dari dunia daripada Allah SWT (al-Qushayri 2004).

Manakala dalam konteks kejiwaan atau psikologi Melayu, Mohamed Mansor Abdullah (1993) mengisyaratkan bahawa dalam konsep malu terkandung satu sistem nilai dan kepercayaan sebuah masyarakat. Justeru itu, beliau telah membahagikan malu kepada beberapa subkonsep malu iaitu pertama, rasa malu. Rasa malu merupakan perasaan rendah diri atau berasa segan silu terhadap kekurangan yang ada pada diri sendiri apabila dibandingkan dengan orang lain; kedua, diberi malu yang mana ia merupakan perbuatan yang keji, hina dan jijik yang dilemparkan kepada orang lain sehingga orang yang menerimanya berasa hina dan rendah diri. Ia boleh berlaku dalam bentuk kata-kata yang kesat, sindiran, kutukan ataupun ancaman; ketiga, mendapat malu iaitu yang mana apabila seseorang individu dimalukan ataupun air mukanya telah dijatuhkan di khalayak ramai sehingga dia berasa begitu hina dan aib dan keempat, memalukan. Seperti suatu tindakan, perbuatan, tingkah laku ataupun sikap yang ditunjukkan oleh seseorang individu yang sungguh menjijikkan dan dianggap keji serta sumbang dari kaca mata umum.

Konsep Akhlak

Akhlak berasal daripada kosa kata Bahasa Arab dan merupakan kata *jama`* daripada perkataan *khuluq* iaitu frasa yang menerangkan keadaan tetap bagi jiwa yang terbit daripadanya perbuatan dengan mudah dan senang tanpa memerlukan pemikiran dan pertimbangan (al-Jurjani 1995). Dari sudut pengertian Bahasa Melayu, akhlak adalah kelakuan, tingkah laku, budi pekerti, moral dan tabiat (Kamus Dewan 2010). Namun begitu, terdapat beberapa tokoh yang didapati menggunakan istilah yang berbeza iaitu istilah perangai bagi menyampaikan maksud yang sama dengan istilah akhlak. Mereka adalah tokoh pujangga abad ke-19, Raja Ali Haji (1809-1872), ahli fikir dan ahli bahasa Zainal Abidin Ahmad (Za'aba) (1895-1973) serta ulama nusantara yang terkenal Syeikh Ahmad al-Fatani (1856-1908).

Raja Ali Haji dalam karya beliau menggunakan kosa kata perangai dan kelakuan dalam konteks yang berbeza yang mana perangai beliau rujuk sebagai aspek dalaman yang ada dalam diri manusia manakala kelakuan pula adalah aspek luaran yang didorong oleh perangai sedia terbina dalam diri seseorang. Justeru itu, beliau menisbahkan perangai kepada dua dimensi yang bertentangan iaitu perangai baik dan perangai jahat atau perangai cela juga perangai mulia dan perangai sia-sia (Akmaliza 2017). Za'aba pula dalam karyanya *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri* (2009) merujuk perangai yang bergantung pada diri sendiri sebagai satu daripada sifat perangai mulia iaitu *makarim al-Akhlak* dan ia terbit serta bangkit dalam tiap-tiap diri manakala perangai bergantung pada orang lain menurut beliau merupakan satu daripada perangai yang buruk. Syeikh Ahmad al-Fatani dalam *Kitab 'Unwan al-Falah wa 'nfiwan al-Shalah* pula didapati dalam memberi gambaran akhlak kemasyarakatan Melayu telah menurunkan nasihat meminta orang (Melayu Islam) yang berakal supaya menghabiskan kehidupan yang pendek di dunia ini di dalam perangai yang elok dan kebajikan (Wan Mohd Shaghir 2015).

Nilai warisan tradisional masyarakat Melayu meletakkan orang yang mempunyai nilai akhlak yang tinggi pada tahap yang tersendiri dan dipandang mulia oleh masyarakat dan dirujuk sebagai orang yang budiman. Mereka yang dianggap budiman adalah mereka yang berperilaku dengan tiga sifat utama berikut iaitu budi pekerti dan adab sopan yang mulia; budi bahasa dan budi bicara yang mulia dan akal budi dan hati budi yang tinggi. Budi pekerti dan adab sopan yang mulia merujuk kepada tingkah laku, keperibadian, fil perangai dan tindak tanduk yang baik, sopan santun, sesuai wajar, pemurah, penyayang dan penuh menyumbang dan bermanfaat kepada masyarakat dan komunitinya. Budi bahasa dan budi bicara yang mulia merujuk kepada pertuturan yang manis, sopan, positif, bijaksana, bernas dan penuh pengajaran serta sumbangan kepada khalayak dan pendengarnya. Akal budi dan hati budi yang tinggi merujuk kepada akal fikiran dan hati kalbu yang sarat dengan ilmu,

kebijaksanaan, ketenangan, kewarasan, kemuliaan, kebaktian dan kebaikan (Hashim Musa 2008). Justeru itu, apabila malu merupakan sebahagian daripada akhlak maka malu juga seharusnya menjadi sebahagian dari sifat orang budiman.

Jelas sekali bahawa terdapat perkaitan yang rapat di antara konsep malu dan konsep akhlak dalam Islam dan akal budi serta hati budi Melayu. Perkaitan asas yang dapat dikesan di antara konsep malu dan konsep akhlak dalam perbincangan tersebut adalah kedua-keduanya melibatkan unsur dalaman dan kejiwaan diri manusia yang memancarkan tingkah laku mengikut acuan dan kecenderungan jiwanya. Maka malu merupakan sebahagian daripada akhlak malah ia juga dianggap kerangka penting pembinaan akhlak mulia. Akhlak merupakan inti ajaran Islam. Atas dasar itulah baginda Rasulullah SAW diutuskan untuk menyempurnakan kemuliaan akhlak. Manusia sebagai makhluk yang diciptakan oleh al-Khalik yakni Allah SWT sewajarnya berakhlak sesuai dengan fitrahnya sebagai sebaik-baik kejadian iaitu fitrah cenderung kepada kebaikan (Akmaliza 2017). Sifat malu haruslah terbit sebagai sesuatu yang semulajadi dan sentiasa harus disuburkan dalam diri bagi menjadikan ia sebagai sifat asas peribadi yang kekal.

Penzahiran Malu Sebagai Kerangka Akhlak Melayu

Penzahiran akhlak yang mulia didapati tidak hanya bergantung pada wujudnya malu dalam jiwa semata-mata namun ia turut berkait rapat dan bersepadu dengan beberapa konsep penting lain. Konsep ini terpancar dalam kata kunci yang turut membentuk kerangka akhlak Melayu Islam iaitu akal, ilmu, hati (qalb), agama, adab, bahasa dan jahat. Perkaitan dan jalinan antara konsep ini jelas tergambar dalam kiasan, pantun, hikayat, cerita serta karya ilmunan dan cendekiawan Melayu. Semua konsep ini merupakan kerangka dalam pembinaan akhlak mulia serta sasaran utama yang perlu dipupuk, dididik dan ada yang perlu dihindari sehingga terzahir dalam diri manusia budi pekerti yang baik.

Akal bermaksud sesuatu yang menahan atau mencegah empunya daripada meninggalkan jalan yang lurus, mengupayakan manusia membezakan di antara baik dan buruk juga membezakan di antara kategori dasar kewujudan iaitu wajib, mustahil dan harus (Mohd Zaidi 2016; 2018). Justeru itu, manusia yang berakhlak buruk disifatkan sebagai manusia tidak berakal. Menurut Raja Ali Haji (1996), akal atau lebih masyhur disebut orang Melayu sebagai budi merupakan unsur yang memuliakan diri manusia sekiranya ia tetap berada pada manusia. Akal pada beliau berfungsi menegah orang yang memilikinya daripada berpaling dari jalan yang betul dan tiada ia mahu pada jalan yang tidak betul. Menurut Raja Ali Haji (2005), akal tidak berada pada badan orang yang mempunyai sifat yang hina dan kotor atau

dengan kata lain berakhlak buruk. Apabila keluar akal dari badan seseorang, maka malu juga akan hilang dan turut keluar dari badan seseorang.

Akal juga berfungsi sebagai tempat bertapak bagi ilmu malah kandungan akal itu sesungguhnya ilmunya. Dalam konteks ini akal turut membawa makna ilmu. Kualiti ilmu seseorang itulah yang akan menentukan sikap, perangai, kelakuan dan akhlaknya (Zaidi 2016). Akal juga bersabit dengan hati (qalb) sebagai unsur hakikat diri (al-Attas 1977). Hati diumpamakan sebagai kerajaan di dalam tubuh. Raja Ali Haji (1996) turut mengumpamakan akal itu sebagai tabiat perangai yang disediakan dengan dia berperdapat akan pengetahuan (ilmu) yang sukar seolah-olah ia cahaya yang terang di dalam hati tempatnya dan memancar cahayanya naik kepada otak dengan dia boleh membezakan benar dengan salah, baik dengan jahat maka mulialah orang yang dikurniai Allah SWT akal itu barangsiapa tidak dikurniakan akal, hinalah orang itu di dunia dan diakhirat.

Raja Ali Haji turut menambah bahawa tanda orang yang berakal adalah apabila ada padanya tiga perkara iaitu ilmu, akal dan malu. Walaupun manusia berkongsi nafsu kebinatangan dengan binatang iaitu makan, minum, tidur dan jimak namun tiga perkara tersebut tiada pada binatang. Justeru itu, apabila tiada bagi manusia tiga perkara yang disebut (ilmu, akal dan malu) maka samalah manusia tersebut dengan binatang. Begitulah juga keadaan orang yang sudah hilang sifat malunya dan tidak malu untuk bersifat dengan sifat jahat, melakukan pekerjaan jahat, fasiq dan zalim serta mengganggu dan mengusik hak orang atau harta benda orang. Maka pada pandangan mata orang baik-baik dan orang yang berakal, mereka ini seumpama binatang yang jahat dan buas seperti harimau, babi dan ular. Hilang malu dan berkelakuan seumpama haiwan dan binatang ini menghilangkan kebangsawanan dan mengundang kemurkaan Allah SWT.

Selain akal, agama juga membekalkan ilmu bagi mengupayakan manusia membezakan di antara baik dan buruk. Agama dengan makna dasar istilah bahasa Arab *din* mengandungi pelbagai maksud yang antaranya adalah bawaan kecenderungan yang sedia ada pada diri manusia yang mendorongnya untuk berusaha membentuk masyarakat, menyusun cara hidup bermasyarakat, mentaati hukum dan undang-undang dan mencapai pemerintahan yang adil (al-Attas 1977). Hamka (1997) merumuskan kesan agama kepada akal dan adat menimbulkan tiga sifat yang sangat besar pengaruhnya bagi kemajuan suatu bangsa dan tunjang kemuliaan masyarakat iaitu perasaan malu mendekati suatu pekerjaan yang tercela, amanah serta benar dan lurus. Beliau menambah bahawa malu ditaklifkan iaitu diperintahkan kepada orang yang berakal dan orang yang baligh (sampai umur) kerana perasaan malu telah wujud dalam diri mereka.

Adab juga berkait rapat dengan ilmu. Adab mengikut al-Attas (2007) adalah perbuatan atau kelakuan yang betul timbul daripada pengawalan diri sendiri dan berasaskan ilmu bersumberkan hikmah. Penyerapan adab dalam diri seseorang adalah melalui pendidikan yang mana seseorang dididik tentang baik dan buruknya sesuatu perbuatan atau kelakuan dan menjelaskan tanggungjawab kehidupan. Adab seperti yang dianjurkan oleh Raja Ali Haji (1996) adalah ‘yang digerakkan oleh orang yang cerdik dan elok, barang yang dikerjakannya yang berbetulan dengan syarak dan adat yang indah kepada orang yang berakal dan orang yang mempunyai mata hati’. Justeru, beliau menambah ‘kelebihan manusia itu dengan akalnyanya dan baik adab budi bahasanya bukannya dengan asalnya dan bangsanya yakni jikalau anak raja sekalipun jika tidak beradab dan bermalu bersopan dan tiada berbahasa seperti bongkak, pongah tutur katanya, bangsat, sombong, takbur, membesar diri tingkah kelakuannya, jika raja besar sekalipun tiada kelebihannya kehinaan jua’. Kata lainnya tingkah laku, kedudukan, pangkat dan harta akan menjadi sia-sia sekiranya pemilik tidak berilmu, bermalu, bersopan dan beradab kerana adab adalah perbuatan, tindakan atau keputusan yang didasari oleh ilmu.

Jahat merupakan akhlak buruk yang perlu dihindari dan datang dalam pelbagai jenis iaitu jahat perkataan, jahat i'tikad, jahat niat, jahat kelakuan, jahat perbuatan, jahat perjalanan, jahat rupa, jahat penyakit dan jahat mati iaitu *su'ul khatimah* (Raja Ali Haji 1996). Zaaba (2009) meringkaskan bahawa terdapat tiga tingkat kejahatan yang dilarang iaitu *al-Fahsha'*, *al-Munkar* dan *al-Baghy*. Ketiga-tiga ini meliputi segala rupa kejahatan yang pelbagai yang mana manusia boleh terjatuh ke dalamnya berdasarkan keadaan hati masing-masing dan kecenderungan tabiatnya. Maka kelakuan jahat yang tidak bermalu terletak pada tingkat pertama daripada kejahatan yang dilarang iaitu *al-Fahsha'*. *Al-Fahsha'* bermaksud perbuatan yang buruk, cemar, tidak bersifat malu, terlampau busuk, jelak, lucuh, lacur dan kotor, kelakuan tak patut yang amat dahsyat dan memberi malu, dosa atau kesalahan besar yang sangat buruk dan perkara jijik yang sangat dibenci. Kemudaratan tingkat kejahatan in terhadap diri individu yang berbuat jahat sahaja.

Sesungguhnya dengan adanya ilmu yang benar maka seseorang itu dikawal oleh akalnyanya dan rasa malunya daripada melampaui batas, terjerumus dalam kesesatan, kejahatan serta keluar daripada batas kemanusiaan sepanjang perjalanan hidupnya di dunia ini. Ia berpadanan seperti perumpamaan Zaaba (2009) bahawa kebaikan digandingkan dengan panduan ilmu dan penggunaan akal manakala kejahatan pula sebaliknya. Pendidikan akhlak dalam masyarakat Melayu turut dihubungkan dengan unsur alam yang berada disekeliling masyarakat seperti binatang yang sinonim dengan sifat negatif supaya terbit rasa malu dalam diri manusia untuk melakukan tingkah laku tidak elok apabila diumpamakan diri mereka dengan perkara yang tidak elok (Akmaliza 2017).

Maka jelaslah bahawa masyarakat yang berilmu dan berakhlak adalah masyarakat yang melaksanakan dan menghindari konsep yang dinyatakan tersebut dalam kehidupan mereka. Rosaknya manusia dan masyarakat kerana sifat buruk yang dimiliki yang mana hati mereka tidak dapat membezakan apa yang memberi manfaat dan memberi faedah pada diri mereka. Menurut Raja Ali Haji (1996), sifat yang merosakkan ini dalam Kitab Pengetahuan Bahasa beliau sangatlah relevan untuk diamalkan. Beliau menegaskan masyarakat perlu menghalakan nafsu mereka dengan perkara paling utama iaitu menuntut ilmu dengan mereka yang ahli serta bersahabat dengan mereka yang berilmu, berakal, bermalu dan beradab.

Kedudukan Malu dalam Kerangka Akhlak Masyarakat Melayu

Sesuai dengan fitrah dan kelebihan sifat malu sebagai perisai dan penjaga bagi jiwa, pemikiran juga tingkah laku manusia, sifat ini juga turut diangkat oleh masyarakat Melayu sebagai sifat penting dalam pembinaan masyarakat yang berbudaya dan bersusila tinggi menerusi beberapa kedudukan ini.

Pertama, malu sebagai mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik. Ini merupakan kedudukan malu yang utama dalam masyarakat Melayu. Hal ini telah dijelaskan dalam hubungan yang erat antara konsep penting yang dihubungkan dengan akhlak yang baik. Justeru, malu berkedudukan sebagai nilai dan sifat yang mempunyai kaitan dengan pembentukan akhlak dan tingkah laku yang baik. Akhlak dan tingkah laku yang baik ialah berpaksikan kepada keimanan dan ketauhidan yang mutlak. Justeru jelaslah bahawa akhlak mulia adalah rantaian keimanan. Contohnya malu untuk berbuat jahat dan malu untuk melakukan kesalahan adalah salah satu akhlak yang bermatlamatkan takwa.

Sesuai dengan kedudukan malu yang diletakkan pada taraf yang tinggi dalam Islam iaitu merupakan sebahagian daripada iman. Keimanan seseorang individu boleh diukur dengan melihat sejauh mana keteguhannya dalam memegang etika malu. Semakin kuat rasa malu seseorang itu untuk tidak melakukan perbuatan yang tidak baik maka semakin kuatlah tahap keimanannya (Norazlina Kiram 2009).

Malu juga merupakan cerminan moral. Dalam konteks ini terdapat malu yang disuruh dan malu yang ditegah dalam masyarakat Melayu. Masyarakat Melayu disuruh untuk malu berbuat keburukan serta kejahatan dan dilarang malu dalam hal yang baik. Antara sifat malu yang dijunjung tinggi oleh masyarakat Melayu dalam tunjuk ajar Melayu adalah malu berbuat kejahatan, melakukan perbuatan tercela, bercakap kasar, sombong, khianat, menipu, derhaka, merampas hak orang lain, berbuat semena-mena, melepaskan kewajipan dan tanggungjawab, membuka aib orang, menyingkap keburukan orang dan sebagainya (Tenas Effendy 2004).

Malu dalam bidang psikologi dikaitkan dengan aspek positif yang mana ia berkesan dalam membantu seseorang untuk mengelakkan konflik atau memberi ancaman kepada orang lain, memberi peluang untuk bersedia, bertindak mengikut situasi yang sesuai dan membuat pemerhatian terhadap tingkah laku orang lain. Ia juga turut boleh memberi gambaran (melambangkan) kecerdikan, rendah hati (kesopanan) dan berhati-hati. Secara signifikannya menurut kajian psikologi pemilik sifat malu dalam hal yang disebutkan di atas sangat kurang terlibat dengan tingkah laku sosial yang negatif kerana mempunyai keprihatinan yang mendalam terhadap apa yang orang lain akan fikirkan tentang dirinya (Sajap Maswan 2011).

Manakala malu yang ditegah adalah malu dalam hal yang baik seperti malu menuntut ilmu, malu mengakui kesalahan dan kebodohan diri sendiri, malu untuk berterus terang, malu untuk bertanggungjawab, malu melakukan pekerjaan kasar yang halal dan sebagainya (Tenas Effendy 2004). Kebiasaannya cetusan sifat ini adalah kerana rasa segan dan kurang selesa seseorang itu untuk melakukannya. Sikap malu sebegini amat merugikan dan boleh membawa kepada kesan buruk. Ia merupakan sikap yang negatif dan boleh mempengaruhi masyarakat menjadi lemah.

Maka malu dalam konteks ini sekiranya diukur dari sudut psikologi banyak menjerus kepada sisi negatif malu itu sendiri iaitu tingkah laku malu. Kajian psikologi cenderung mengaitkan bahawa malu yang keterlaluan boleh mengakibatkan tingkah laku yang negatif seperti sukar untuk bertemu dengan orang baharu, berkawan dan bergembira; penghalang dalam menyatakan tentang kebenaran, pendapat dan nilai yang dipegang; cenderung mendapat penilaian positif tentang kekuatan personaliti dan akhir sekali kesukaran berfikir secara jelas dan berkomunikasi secara efektif sehingga wujud perasaan negatif seperti kemerosotan, kebimbangan dan keseorangan.

Kedua, malu sebagai kesantunan dan lambang kehidupan bermoral. Kesantunan sama dengan budi pekerti atau tatacara, adat atau kebiasaan yang berlaku dalam suatu masyarakat beradab untuk memelihara hubungan baik antara sesama manusia. Kesantunan aturan perilaku sosial yang ditetapkan dan disepakati bersama masyarakat tertentu. Kesantunan tercermin dalam cara bertutur kata iaitu berbahasa cara berbuat iaitu bertindak dan cara berpakaian iaitu berdandan. Kesantunan bahasa tercermin dalam tatacara berkomunikasi dan dalam berkomunikasi harus tunduk kepada norma budaya (Robert Sibarani 2004).

Sensitiviti sosial terhadap kesantunan dan rasa malu yang kuat yang dimiliki orang Melayu membuatkan mereka mahu menggabungkan pandangan, keperluan

dan matlamat dalam kumpulan sebelum membuat pendirian. Justeru, belajar berasa malu adalah langkah pertama ke arah menjadi matang sebagaimana ungkapan “dia tak tahu malu” adalah kritikan paling tajam bagi orang Melayu dan menjadi latar motivasi yang kuat untuknya berkelakuan secara sopan dan menunjukkan sopan santun. Orang Melayu menyesuaikan mereka dengan situasi sosial kerana mengekalkan maruah keluarga adalah kunci menjaga maruah dan mendukung harmoni kumpulan (Asma 2009).

Hal ini telah mengisyaratkan makna bahawa malu tidak hanya menjadi sifat individu, tetapi telah menjadi sifat kolektif suatu bangsa. Maka tidaklah menjadi kejanggalan malu itu dibudayakan, yang mana anak-anak dididik secara kolektif untuk bermoral malu. Dengan moral malu anak-anak dianjurkan untuk membatasi tingkah laku mereka agar terhindar daripada situasi yang menjerumuskan mereka kepada salah tingkah. Budaya ini dikatakan telah diterapkan dan dibudayakan dalam kalangan anak-anak di Jawa dan Bali. Hal ini jelas menerusi penelitian W. Keeler yang mendapati bahawa anak-anak di Jawa dan Bali dididik untuk bermoral malu (Mura Hutagalung 2007).

Keutuhan perpaduan dan semangat kerjasama, rasa kesatuan dalam kalangan masyarakat tergambar melalui perbilangan sesusun bak sireh, sehartu sebenda, sependan seperkebonan, sehina semalu, malu seorang malu semua. Isi perbilangan ini jelas menggambarkan pegangan hidup masyarakat Melayu yang mementingkan kehidupan bermoral dan saling menyayangi antara satu sama lain.

Ketiga, malu sebagai maruah serta kehormatan diri dan bangsa. Sifat mempertahankan kehormatan atau penjagaan kemuliaan *syaraf* perlu ada dalam pergaulan kehidupan manusia. Rasa malu kerana menjatuhkan nama keluarga dan kaum disebabkan perbuatan sendiri begitu dijaga, jangan sampai menjadi buah mulut orang. Justeru, rasa malu tidak akan hidup di dalam budi pekerti seorang manusia jika tidak merasai rasa kehormatan diri *syaraf*. Rasa kehormatan adalah pusat kebahagiaan bersama dan tenteramnya perhubungan (Hamka 1997). Manakala sekiranya ia melibatkan sesuatu yang berbentuk sebab akibat perasaan malu, ianya juga melibatkan maruah diri dan bangsa. Dengan menjaga maruah, malu telah diterima sebagai suatu nilai mutlak dan luhur dalam masyarakat yang juga merupakan maruah dan kehormatan bangsa (Mohamed Mansor Abdullah 1993).

Hal ini dapat dilihat pada kiasan Melayu yang berbentuk ungkapan, ‘harga garam pada asinnya, harga manusia pada malunya, tanda perang pada hulunya, tanda orang pada malunya’. Ungkapan ini jelas menunjukkan bahawa budaya malu sudah menjadi darah daging dalam kehidupan masyarakat Melayu yang begitu mementingkan maruah dan harga diri. Sehubungan dengan itu, malu juga

melibatkan air muka. Menjatuhkan air muka seseorang dianggap sebagai perbuatan yang tidak bermoral dan perbuatan yang tidak dapat ditebus, tidak dapat dibayar sepertimana kata perbilangan ‘seekor kerbau berkubang semua kena lumpurnya’ (Norazlina Kiram 2009). Manakala ungkapan ‘menjaga air muka’ dan ‘rasa malu yang mendalam’ merupakan penjelmaan keprihatinan masyarakat Melayu tentang harga diri dan maruah serta menjadi satu daripada teras hati budi Melayu (Hashim Musa 2012).

Seterusnya kesedaran Melayu tentang maruah yang terpancar pada air muka dan mempunyai sikap tahu malu. Orang Melayu tidak akan mengaibkan atau menghina orang dan sentiasa menghormati dan menjaga maruah diri, keluarga, masyarakat, agama dan bangsanya. Kesedaran tentang nilai maruah juga menjadikan orang Melayu masyarakat yang berbudaya saling hormat-menghormati (Hawiyah baba & Nor Hashimah Jalaluddin 2015). Kajian yang berbentuk sosiolinguistik juga telah merumuskan bahawa struktur dan organisasi sosial orang Melayu akan menjadi lebih mantap dan kukuh jika berpegang kepada konsep malu. Manakala, individu yang telah hilang sifat malunya dianggap aib dan hina (Norazlina Kiram 2010).

Maka pendidikan dan pemupukan nilai tentang konsep malu dalam masyarakat ini merupakan satu keperluan dan sangat penting kerana ia dapat memberi kefahaman kepada masyarakat tentang jati diri Melayu itu sendiri sesuai dengan perumpamaan Hamka (1997) bahawa sifat malu membawa manusia mengharungi lautan besar, memasuki rimba belantara, ditimpa susah dan kepayahan untuk mencapai keutamaan. Sifat malu menyebabkan manusia sanggup menahan nafsu, mengekang dirinya dan menempuh halangan lantaran menghindarkan diri daripada perangai durjana. Ia juga menyebabkan orang tidak redha menerima kebodohan dan kedunguan.

KESIMPULAN

Menerusi kupasan terhadap sifat malu dan hubungan serta kedudukannya sebagai unsur penting penzahiran akhlak mulia, maka jelaslah bahawa malu merupakan salah satu warisan sifat keperibadian sosial masyarakat Melayu yang harus dikekalkan dan terus dipupuk. Konsep malu merangkumi sistem nilai kepercayaan dan kekuatan orang Melayu. Sebagai cerminan kehidupan sesebuah bangsa, malu juga merupakan satu daripada kerangka akhlak masyarakat Melayu yang mana sifat ini mempunyai perkaitan yang rapat dan kesepaduan dengan konsep lain iaitu konsep akal, ilmu, hati (qalb), agama, adab, bahasa dan jahat. Justeru itu manifestasi malu dalam jiwa dan tindakan masyarakat Melayu khususnya sebagai mekanisme pembendung diri daripada melakukan tingkah laku yang tidak baik, sebagai kesantunan dan lambang

kehidupan bermoral serta sebagai maruah dan kehormatan diri dan bangsa bergantung kepada sejauh mana konsep akal, ilmu, hati (qalb), agama, adab, bahasa dan jahat diterap dan diamalkan dalam diri dan masyarakat.

PENGHARGAAN

Penulis ingin merakamkan ucapan penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Universiti Putra Malaysia kerana telah membiayai penyelidikan ini melalui peruntukan Geran Putra GP/2017/9582200, bertajuk Sifat Malu dalam Kalangan Masyarakat Melayu dan Cina: Mekanisme Pembendung Perbuatan Tidak Bermoral.

RUJUKAN

- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 2007. *Tinjauan Ringkas Peri Ilmu dan Pandangan Alam*. Pulau Pinang: Penerbit Universiti Sains Malaysia.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1977. *Islam: Faham Agama dan Asas Akhlak*. Kuala Lumpur: Angkatan Belia Islam Malaysia.
- al-Jurjani, Ali bin Muhammad. 1995. *Kitab al Ta'rifat*. Beirut: Dar al-Kutub al Ilmiah Lubnan.
- al-Qushayri. 2004. *Principles of Sufism*. Petaling Jaya: Islamic Book Trust.
- Akmaliza Abdullah & Abdul Latif Samian. 2017. Unsur-unsur alam dalam pendidikan akhlak masyarakat melayu menerusi beberapa karya Raja Ali Haji. *Jurnal Hadhari* 9(2): 353-365.
- An-Nawawi. 2009. *Bustanul 'Arifin*. Terj Ahmad Fahmi Zamzam. Kedah: Khazanah Banjariah.
- Asma Abdullah. 2009. *Ke Arah Glokal Dimensi Budaya dalam Pengurusan Malaysia*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara Malaysia.
- Hashim Musa. 2008. *Hati Budi Melayu Pengukuhan Menghadapi Cabaran Abad ke-21*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Hashim Musa, Normahdiah Sheik Said, Rozita Che Rodi & Siti Sarah Ab Karim. 2012. Hati budi melayu: Kajian keperibadian sosial melayu ke arah penjanaaan melayu gemilang. *GEMA Online Journal of language Studies*. 12 (1): 163-182.
- Hawiyah Baba & Nor Hashimah Jalaluddin. 2015. Nilai Melayu dalam Simpulan Bahasa: Analisis Pragmatik. Kertas Kerja *Seminar Linguistik Kebangsaan (SliK2015) Pelestarian dan Perakayasaan Bahasa*. Anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur, 20-21 Januari.

- Hamka. 1997. *Tasauf Moderen*. Jakarta: P.T Pustaka Panjimas.
- Wan Mohd Shaghir Abdullah. 2015. *Ensiklopaedia Naskhah Klasik Nusantara*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Ibn Manzūr. 1955. *Lisān al-‘Arab*. <http://lisaan.net/ibn-manzur-lisan-al-arab/> [13 Oktober 2018].
- Kamus Dewan*. 2010. Edisi Keempat. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. Edward William Lane. 1893. *The Arabic-English Lexicon*. <http://www.studyquran.co.uk/LLhome.htm> [13 Oktober 2018].
- Mohamed Mansor Abdullah. 1993. *Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama dalam Psikologi Melayu Selenggaraan Abdul Halim Othman*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zaidi Ismail. 2016. *Aqal dalam Islam Satu Tinjauan Epistemologi*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mohd Zaidi Ismail. 2018. *Aqal Ilmu dan Pendidikan Kerangka Ahli Sunnah Wal Jamaah*. Kuala Lumpur: IKIM.
- Mura P. Hutagalung. 2007. Budaya malu, budaya salah dan budaya hukum. *Jurnal Hukum dan Pembangunan* 37(3): 359-380.
- Norazlina Mohd. Kiram. 2009. Konsep malu dalam kiasan Melayu. *Dewan Bahasa* Ogos: 24-26.
- Norazlina Mohd. Kiram. 2010. *Konsep malu orang Melayu dalam novel Saga: Satu kajian sosiolinguistik*. Tesis Dr. Fal, Universiti Malaya.
- Tenas Effendy. 2004. *Tunjuk Ajar Melayu (Butir-butir Budaya Melayu Riau)*. Yogyakarta: Balai Kajian Pengembangan Budaya Melayu.
- Robert Sibarani, M.S. 2004. *Pemikiran Melayu Tradisi dan Kesenambungan*. Terj. Worawit Baru@haji Ahmad Idris Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Raja Ali Haji. 1996. *Kitab Pengetahuan Bahasa*. Kuala Lumpur: Khazanah Fathaniyah.
- Raja Ali Haji. 2005. *Bustan al-Katibin*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Hashim bin Musa. Kuala Lumpur: Yayasan Karyawan.
- Sajap Maswan. 2011. *Malu (Shyness)*. <https://www.scribd.com/document/50630957/JURNAL> [11 Oktober 2018].
- Za`ba. 2009. *Perangai Bergantung pada Diri Sendiri*. Dikaji dan diperkenalkan oleh Asmah Haji Omar. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.